


Entering The World Pairs Angling Championship



2 Ireland's
**LAKELANDS &
inland WATERWAYS**
World Pairs Angling
Championships 2014



Tengku Izzudin a.k.a Guvnor, mencipta sejarah sebagai pemancing pertama dari Asia dan anak melayu pertama menyertai World Pairs Angling Championship di Ireland.

CATATAN ANAK MALAYSIA PERTAMA MENYERTAI KEJOHANAN WORLD PAIRS ANGLING CHAMPIONSHIP 2014 (Bhg.1)

Ireland! Saya sering impikan untuk memancing di bumi 'Emerald Isle' ini semenjak menatap gambar-gambar pemancing bersama dua kantung jaring yang penuh dengan *bream* dan *roach* pada tahun 90-an semasa menyambung pengajian di U.K. Akhirnya impian keemasan ini termakbul setelah hampir 20 tahun, malah kali ini saya berpeluang menyertai kejohanan *World Pairs Angling Championship* yang berprestij pulak tu!

Memenangi pertandingan *coarse fishing* pertama di Malaysia seminggu sebelum berangkat telah memberi keyakinan yang sangat diperlukan untuk diri saya. Namun kali ini saya akan menantang sebilangan pemancing terhebat, termasuklah ahli pasukan *World Feeder Champs* dari England... biar betul nih!

Walaupun berbangga mewakili negara tercinta, saya hanya menetapkan dua matlamat mudah untuk diri sendiri iaitu cuba untuk tidak mangkor bagi setiap hari pertandingan ini berlangsung dan mengelakkan mendapat tempat terakhir dalam kejohanan ini. Harap-harap ada ikan yang sudi menjamah umpan saya!

Tak menang pun tidak mengapa, asalkan saya dapat bertemu dan berentap dengan pemancing taraf dunia! Berikut adalah catatan pengalaman saya di Ireland...

Pertandingan Coarse Fishing Dunia

Lakeland & Inlands Waterways World Pairs Angling Championship (L&IWWPAC) ini merupakan kejohanan memancing beregu yang terbesar dalam penganjuran. Tahun ini merupakan tahun ketiga ia dianjurkan serta terus menarik ramai pemancing *coarse fishing* kelas dunia untuk bertanding. Sebagaimana namanya, ia adalah acara berpasangan, di mana dua pemancing membentuk satu pasukan.

Pemenang keseluruhan ditentukan berdasarkan jumlah tangkapan terberat oleh pemancing beregu selepas 5 hari bertanding. Ya... ia adalah acara 5 hari! Di mana pemancing akan memancing selama 5 jam sehari, dan setiap hari adalah di lokasi yang berlainan. Dengan bertanding di kawasan ber-



beza setiap hari, ia akan menguji kecekapan pemancing dalam semua kaedah *coarse fishing* dan peserta perlu berupaya untuk mengadaptasi situasi pancingan berlainan setiap hari.

Pertandingan *coarse fishing* yang besar sering diadakan di Ireland sepanjang tahun kerana ia dikurniakan perairan tasik semulajadi yang luas dan subur dengan spesies *roach* (*Rutilus rutilus*), *bream* (*Abramis brama*), *skimmer* (*small bream*), *perch* (*Perca fluviatilis*) dan *hybrids* (*roach + bream*).

Terdapat juga banyak ikan *pike* dan *trout* serta belut yang dikategorikan sebagai spesies terancam. Tetapi spesies belut ini tidak dikira dan ia mesti dilepaskan dengan segera. Kaedah *feeder fishing* (pancingan dasar menggunakan bekas umpanan 'cage' atau 'window feeder') merupakan kaedah utama dalam acara ini, selain penggunaan teknik *pole* atau *waggler*.

Tahun ini menyaksikan penyertaan pemancing dari England, Ireland, Ireland Utara, Scotland, Jerman, Lithuania, Belgium dan percayakah anda... Malaysia! 69 pasangan bertanding tahun ini, yang dianggap agak kurang kerana kejohanan ini bertembung dengan dua acara memancing yang besar iaitu *The King of Clubs* (juga di Ireland) dan *FIPSed Nations World Freshwater Angling Championships* ke-61 di Croatia.

Acara yang berjalan serentak dalam L&IWWPAC ini ialah *The Daiwa Cup*, di mana 10 individu dengan tangkapan terberat akan membawa pulang baucer peralatan yang ditaja oleh *Daiwa*. Penaja utama lain termasuklah *Lakeland & Inland Waterways, Department of Arts, Culture and Leisure (DCAL)*, *Inland Fisheries Ireland* dan juga *Bait Tech*.

Anda yang pernah ikuti artikel saya mungkin masih ingat yang penulisan saya yang ekstensif tentang kejohanan *CIPS World Angling Championships* dan perancangan untuk menghantar pasukan Malaysia bertanding di pentas dunia. Itu adalah acara 'pasukan 5 pemancing' yang sukar dicapai dengan ketiadaan pemancing *coarse fishing* tempatan pada masa itu.

Jadi format L&IWWPAC ini lebih realistik dalam jangka masa pendek. Justeru semenjak tahun lepas, saya telah menabung dan mempersiapkan diri untuk kejohanan di Ireland



ini, yang saya rasa perlu untuk menimba pengalaman bertanding dalam acara yang besar sebegini, lebih lagi untuk mendapat idea bagi persediaan material dan mental yang sebenarnya diperlukan untuk membentuk suatu pasukan Malaysia sepenuhnya.

1. Di pentas bersama Colm Breheny (wakil *Lakelands & Inland Waterways*), Fiona Beeby (pemancing legenda wanita pertama memasuki kejohanan ini), dan juara 4 kali *World Champion* : Bob Nudd!
2. Bersedia untuk Ireland!
3. Saya dan Steve dalam perjalanan ke Ireland.
4. Cabutan saya dapat rotasi no. 5, tak sabar eh!
5. Regu saya, Kevin Locke.



Entering The World Pairs Angling Championship



6



7



8



9

Singgah di Devon

Penerangan selama 13 jam membawa saya dari Kuala Lumpur ke Heathrow, dan saya terus berjumpa Steve (sebagai pengurus) dan Bobbie Lockett, lalu bergerak ke rumah mereka di Devon yang merupakan destinasi peranginan pantai yang popular untuk rakyat tempatan. Semasa saya menginap di sana selama beberapa hari membolehkan kami untuk berbincang hal taktik kejohanan dan menyelusuri peralatan yang perlu digunakan.

Kemudian kami lakukan sesi 'pemanas badan' dengan memancing di *Town Parks Fishery*. Saya berlatih membuat lontaran dengan joran *feeder* dan memasang joran *pole Garbolino G796* milik Steve, dan dapatlah beberapa ekor *roach* kecil (kali terakhir saya dapat pada 15 tahun dulu!), seekor *skimmer* dan kap 'ghost'.

Tibalah masa untuk mengembara! Kami sewa sebuah van, muatkannya dengan peralatan memancing lalu bergerak ke Holyhead untuk mendapatkan feri ke Dublin. Beberapa kali kami berhenti di sepanjang jalan untuk membeli umpan iaitu terdiri daripada 8 pint ulat (*maggot*) dan 5 kilo cacing serta beberapa perlatan lain sebelum berjumpa wakil syarikat *Bait Tech* yang menaja umpan *groundbait* jenama *Pro Natural*.

Semasa di atas eri, kami bertemu Michael Buchwalder, pemancing yang pernah memenuhi 11 jaring penyimpan ikan (*keepnet*) pada akhir Piala *Drennan Knock Out 2013* sehingga ditabalkan juara! Beliau tidak kedekut memberikan kami beberapa *tips* memancing. Selepas 3 jam setengah di atas feri, kami mengembara lagi 2 jam dengan van untuk sampai ke Fenagh. Cantik sungguh perkampungan ini sepanjang jalan, mengagumkan!

Kami check-in di *The Old Rectory* di Fenagh. Pemiliknya, Patrick yang peramah menyambut kami. *The Garden Cottage* (dindingnya setebal 1 kaki lebih!) akan menjadi tempat tinggal saya sehingga minggu depan. Steve, juga selaku pegawai publisiti untuk L&IWWPAC akan menginap di apartment seberang bersama pengunjung lain, Helen dan Kevin.

Sesi Latihan

Masa bergembira dah tamat. Saya perlu jalani sesi latihan di Tasik Kiltybarden, yang menampung separuh seksyen untuk daerah Leitrim, dan paling hampir dengan tempat kami tinggal. Saya amat memerlukan sesi latihan ini bagi membiasakan diri dengan set pancing yang kesemuanya saya pinjam dari Steve.

Setelah mengetahui cara untuk memakai *waders* dengan betul (*waders* Steve panjangnya sampai ke telinga saya!), barulah saya dapat rasai gaya pancingan Irish buat pertama kali. Beberapa ekor *hybrid* dan *skimmer* cukup galak merebut umpan. Sesi latihan ini ialah untuk mempercepatkan rentak pemasangan umpan cacing dan ulat merah, memenuhi *feeder* dengan umpan dedak, lontar dan ulangi proses setiap beberapa minit. Saya memancing dengan dua set, satu pada jarak kira-kira 40 meter dan satu lagi sekitar 25 meter.

Saya bertemu regu saya, Kevin Locke yang meninjau saya memancing dan memberi sedikit panduan. Berpasangan dengan Kevin ni macam '*blind date*', sebab saya tidak ada pasangan dari Malaysia. Jadi pihak pengunjung telah memadankan kami berdua. Beliau seorang pemancing berpengalaman dan teman yang baik yang suka berkongsi *tips* memancing.

Esohnya, kami ke Enniskillen di Ireland Utara untuk melihat beberapa lokasi kejohanan dan bandar itu sendiri, kemudian mengunjungi *Fishing Tackle and Bait*, sebuah kedai pancing besar. Di sana saya bertemu John Potters, satu-satunya juara *Ireland Classic Fishing Festival* sebanyak dua kali dalam sejarah 39 tahunnya, wow! Saya berasa agak segan apabila beliau berkata semua orang sedang memperkatakan tentang kehadiran saya sekarang melalui *facebook*!

Latihan Di Pumphouse

Kami memandu ke Lough Scur @ Pumphouse dalam perjalanan balik ke Ballynamore. Di situ, beberapa pemancing sudah bersedia berlatih untuk acara besar yang akan tiba. Cuaca agak sejuk berangin, saya perlu tambah ketebalan pakaian. Latihan kali ini saya hanya sediakan set *pole*, tetapi me-



10



11



12

gang pole 13 meter dengan hembusan angin kuat dari sisi bukanlah idea yang baik!

Riak-riak air di permukaan menjadi besar akibat tiupan angin, maka saya memilih untuk memancing dengan ukuran pole 5 meter menggunakan pelampung bersaiz 4 x 12, mata kail saiz 16 dan dengan kedalaman 4 kaki di depan saya. Saya sentiasa melontar umpan menggunakan lastik dan berjaya memancing beberapa ekor ikan *roach* dan *hybrid* dalam 2 jam sesi latihan.

Saya juga akhirnya dapat berjumpa paskan adik-beradik, Steve Ringer dan Phil Ringer, yang baru pulang dari sesi latihan. Dua beradik ini adalah juara dunia yang popular dan saya teruja dapat bertemu dan selfie dengan mereka.

Perasmian & Cabutan

Malam itu bermulalah malam perasmian di Hotel Standing Stone. Saya disambut oleh pemancing tempatan iaitu Ryan dan Tony Kersley di pintu yang membuatkan saya be-

rasa sangat dialu-alukan. Kemudian saya dipanggil oleh juara beregu bertahan Cathal dan Jacko untuk berborak, mereka ni suka bergelak ketawa!

Semua legenda pancing hadir malam itu! Sungguh saya tak dapat lupakan apabila dapat bertemu nama-nama besar seperti Darren Cox, Mark Pollard, Bob Nudd dan Rob Wootten. Semuanya sangat peramah dan sudi berkongsi banyak petua berguna seterusnya mengucapkan selamat berjaya kepada saya. Tetapi saya mengingatkan mereka supaya jangan bertaruh untuk saya!

Selepas ucapan perasmian oleh pihak pengajur, penaja dan ketua pengadil, tiba-tiba masa untuk mencabut nombor rotasi kami. Secara keseluruhan terdapat 5 seksyen (kawasan memancing) dan diatur rotasinya bagi menentukan seksyen dan daerah mana yang akan kami mulakan pancingan.

Cabutan saya mendapat no. 5. Ini bermakna, esok pagi saya dan regu saya, Kevin akan memulakan acara pertandingan ini Bal-linamore. Saya rasa dah tak sabar lagi!

- SIRIP -

6. Lepas gian di Town Park, sebelum mengembara jauh ke Ireland untuk pergi bertanding.

7. Inilah ikan *skimmer*.

8. Ikan kap lee koh dipanggil 'ghost carp' di sini.

9. Garden Cottage, rumah sematau saya sepanjang menyertai *World Pairs*.

10. Ringer bersaudara : Steve & Phil Ringer, pemancing feeder taraf dunia yang sempoi.

11. Selfie untuk persediaan sesi latihan pertama saya di Kilty-barden.

12. The Forge, kedai pancing yang sempat kami terjah.

*Bersambung keluaran hadapan (Bhg. 2 : Hari Pertama Di 'Pejabat'!)



KENAPA IRELAND?



Kepulauan Ireland terletak di Atlantik Utara di arah barat Kepulauan Great Britain. Ireland dirahmati dengan tasik dan sungai semulajadi yang besar dan cantik serta dipenuhi pelbagai ikan yang diminati kaki pancing.

Justeru, Ireland telah lama menjadi tumpuan pemancing dari Eropah sama ada untuk *coarse fishing*, pancing layang maupun mengilat oleh kerana suasana pemancingannya yang menarik, di samping pemandangan yang cantik dan penduduknya yang peramah.

Tidak hairanlah Ireland menjadi tuan rumah pelbagai ke-

johanan memancing yang bertaraf antarabangsa. Pada bulan Julai tahun ini telah berlangsung *World Feeder Championships* di Cork, Ireland diikuti pula *World Pairs Angling Championship* pada bulan September.

Saya kagum dengan sikap dan profesionalisme pemancing sana. Rata-rata tempat yang kami pancing sangat bersih dan dijaga dengan baik. Umpama mereka sedia maklum semua itu adalah manfaat bersama yang perlu dipelihara dengan kerjasama semua. Segan rasanya dengan perairan kita yang agak kotor dan kekurangan ikan, oleh sebab banyaknya aktiviti tangkapan ikan yang tidak bertanggungjawab.

Satu masalah yang turut dihadapi mereka ialah ancaman dari spesies asing. Oleh kerana itu, sebelum mengambil nombor pada setiap pagi, semua pemancing diwajibkan untuk mencelup tanguk, *keepnet* dan *waders* mereka di dalam bahan kimia khas untuk membunuh sebarang benih atau hidupan yang mungkin asing di perairan Ireland.

Cara ini agak menarik kerana merupakan satu usaha pihak berwajib yang komited membanteras spesies asing. Kita pula bagaimana?

- SIRIP -